



**HEBAHAN KEPADA WARGA JABATAN PERTANIAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(MOVEMENT CONTROL ORDER)**

Perintah ini berkuatkuasa mulai 18 – 31 Mac 2020 bagi semua warga Jabatan Pertanian Malaysia. Perintah ini merujuk kepada perutusan khas YAB Perdana Menteri yang disandarkan kepada **Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967**.

Berikut disertakan perintah yang perlu dipatuhi:

- i. Semua premis Jabatan Pertanian perlu ditutup kecuali premis tertentu yang mendapat kebenaran bertulis dan pegawai dibenarkan untuk bekerja dari rumah. Bagi tujuan ini pegawai dibenarkan untuk membawa pulang aset keperluan seperti laptop dan dokumen-dokumen yang bukan dikategorikan sebagai rahsia.
- ii. Dokumen-dokumen rahsia perlu disimpan di dalam bilik berkunci dan tidak dibenarkan di bawa pulang.
- iii. Kehadiran pegawai dan kakitangan di pejabat hanya dibenarkan kepada sesiapa yang mendapat kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian sahaja.
- iv. Semua kakitangan Jabatan Pertanian perlu meneruskan tugas dan kekal berada dirumah dan tiada pergerakan serta program peribadi termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya dibenarkan.

- v. Memastikan pegawai sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja dan sentiasa bersedia sekiranya diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi yang diarahkan.
- vi. Semua mesyuarat, seminar, kursus, dan perjumpaan adalah ditangguhkan atau dibatalkan.
- vii. Aspek keselamatan bangunan harus dikekalkan bagi mengelakkan pencerobohan, kecurian dan sebagainya.
- viii. Semua warga Jabatan Pertanian perlu peka dan mematuhi perintah yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dari masa ke masa.

Pegawai Perhubung;

Encik Wan Mohammad Zukarnain bin Baharudin - 012 264 6656

Encik Khairul Amri bin Ahmad Kamal Hasni - 012 369 0359

**KETUA PENGARAH PERTANIAN
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
17 MAC 2020**